

Pelaksanaan Waran Tangkap oleh Pihak Polis dalam Kes Tunggakan Nafkah di Mahkamah Syariah (Arrest Warrant Execution by the Police in the Case of Syariah Court Maintenance Arrears)

MOHD HAZWAN ISMAIL

ABSTRAK

Waran tangkap yang dikeluarkan oleh mahkamah syariah perlu dilaksanakan oleh Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) atau pihak polis. Bagi PPA kebiasaannya adalah kes yang melibatkan jenayah manakala bagi kes mal adalah kes-kes yang kebanyakan keingkaran bagi pihak defendan untuk hadir ke mahkamah. Keingkaran hadir ke mahkamah tersebut menyebabkan hakim meluluskan untuk mengeluarkan waran tangkap supaya kes tersebut dapat dijalankan dengan kehadiran defendan. Namun, dalam melaksanakan penangkapan, terdapat masalah yang timbul oleh pihak polis di mana antaranya adalah waran tangkap tersebut tidak dilaksanakan untuk penangkapan, ketidak-tahuan prosedur seterusnya setelah berjaya ditangkap dan kawasan pelaksanaan yang terhad. Oleh itu, objektif dalam kajian ini adalah ia melihat cara polis dalam melaksanakan waran tangkap terhadap penghutang bagi kes tunggakan nafkah di mahkamah syariah. Dalam kajian ini, metod yang digunakan adalah metod pengumpulan data iaitu kajian kepustakaan berdasarkan kitab fiqh, statut undang-undang dan artikel jurnal. Kajian lapangan juga digunakan iaitu dari metod temubual di mana menemubual bersama pihak bailif dan juga pihak polis. Selain itu, metod pemerhati juga digunakan dalam bentuk pemerhatian tanpa penyertaan dan tanpa kawalan. Hasil kajian mendapati, permasalahan tersebut dapat diselesaikan dengan kerjasama antara pihak bailif Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) dengan pihak polis. Pihak polis adalah pihak yang berkuasa untuk menangkap dan dibantu oleh pihak bailif BSK sebagai tindakan prosedur seterusnya. Hakim juga perlu memainkan peranan penting apabila kes yang melibatkan luar bidangkuasa, perlu memasukkan jaminan agar penghutang dapat hadir ke mahkamah dengan penjamin. Kesan daripada pelaksanaan tersebut, ia menunjukkan ketegasan mahkamah dalam membantu bagi pihak si ibu untuk mendapatkan semula tuntutan haknya.

Kata kunci: waran tangkap; tunggakan nafkah; polis; perundangan; Mahkamah Syariah

ABSTRACT

A Religious Enforcement Officer (PPA) or the police must carry out an arrest warrant issued by a syariah court. For PPAs, it is usually a criminal matter, whereas for civil cases, it is frequently a case of default on the part of the defendant. Due to the defendant's failure to appear in court, the judge approved the issuance of an arrest warrant so that the matter may be heard in his presence. However, there are issues that the police face when carrying out the arrest, including the arrest warrant not being executed, ignorance of the next procedure after a successful arrest, and a limited execution area. As a result, the goal of this study is to examine how police officers execute arrest warrants against debtors in syariah courts for maintenance arrears. The technique of data gathering employed in this study is a literature review based on the book of fiqh, legal statutes, and journal articles. The interview method, which includes interviews with the bailiff and the police, is also employed in field studies. In addition, non-participatory and uncontrolled observations were used as part of the observer method. According to the findings of the study, the problem can be remedied with the assistance of the Family Support Division (BSK) bailiff and the police. The police have the authority to make arrests, and the BSK bailiffs assist them in this process. When matters involving outside jurisdiction require guarantees so that the Debtor can appear in court with a guarantor, judges must play an essential role. The court's seriousness in assisting the mother in reclaiming her rights is demonstrated by the execution.

Keywords: Arrest warrant; maintenance arrears; police; legal; Shariah Court

PENGENALAN

Di mahkamah syariah, pelaksanaan waran tangkap kebiasaan didengar bagi kes jenayah adalah melibatkan dari Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA).¹ Namun bagi kes mal pula, ia melibatkan kes keingkaran pihak yang dituntut atau disebut defendan untuk hadir ke mahkamah.² Waran tangkap juga dikeluarkan setelah saman berjaya dihantar dan ditandatangani dalam akuan penerimaan sebagai bukti penerimaan saman tersebut. Bagi kes yang melibatkan kewangan, pihak yang menuntut adalah si ibu (pemiutang) perlu mengemukakan kepada hakim bahawa terdapat perintah yang menyatakan si bapa (penghutang) perlu membayar nafkah. Hal ini kerana, perintah nafkah yang dikeluarkan oleh mahkamah adalah penyebab tindakan yang boleh diambil bagi tindakan susulan untuk penguatkuasaan. Sebab itu bagi kes mal, kehadiran penghutang ke mahkamah adalah wajib dan hakim akan memerintahkan kepada penghutang untuk membayar nafkah berdasarkan tahap kemampuannya dan juga keperluan bagi seseorang anak. Setelah mahkamah memerintahkan penghutang untuk memberi nafkah kepada anak, namun penghutang culas untuk membayarnya, maka terjadi tunggakan. Tunggakan nafkah hanya dapat diselesaikan dengan cara pembayaran sahaja.³

Justeru, objektif dalam kajian ini adalah ia melihat kepada pelaksanaan waran tangkap oleh pihak polis terhadap penghutang. Waran tangkap yang dikeluarkan adalah disebabkan penghutang tidak hadir ke mahkamah dan perlu dilaksanakan oleh pihak polis. Pihak polis perlu menangkap dan seterusnya membawa penghutang ke mahkamah bagi menyelesaikan kes tunggakan nafkah anak. Waran tangkap juga adalah sebagai ketegasan mahkamah untuk membawa penghutang ke mahkamah bagi mendengar dan menyelesaikan kes-kes yang bertikai dan seterusnya mengangkat martabat undang-undang negara.⁴

LATAR BELAKANG KAJIAN

Nafkah adalah diwajibkan bagi seorang bapa kepada anaknya. Setelah si ibu telah memohon tuntutan nafkah anak di mahkamah, mahkamah akan mengeluarkan perintah nafkah anak. Kadar yang ditentukan adalah berdasarkan persetujuan bersama bagi kedua-dua pihak ataupun keputusan dari hakim setelah perbicaraan dilakukan dengan membawa saksi-saksi, lampiran dokumen-dokumen berkaitan

serta hujahan bagi mengukuhkan permohonan. Setelah mahkamah memutuskan dan membenarkan permohonan dengan mengeluarkan perintah nafkah anak, maka si bapa wajib untuk memberi nafkah. Namun, sekiranya bapa enggan atau culas untuk memberi nafkah selama tempoh sebulan secara minima setelah perintah dikuatkuasa, maka ia sudah dianggap sebagai tunggakan nafkah.⁵ Hutang nafkah anak terjadi apabila hakim telah mengeluarkan perintah nafkah berdasarkan kitab yang disebut oleh Wahbah al-Zuhaili⁶ yang bermaksud:

“Tidak dianggap hutang anak ke atas bapanya, kecuali diperintahkan oleh kadi atau dengan izin kadi sebagai hutang dengan sebab ghaib bapa tersebut atau bapanya tersebut terhalang daripada membelanjakan. Dan gugur nafkah anak itu di sisi fuqaha’ dengan luputnya tempoh masa, sekiranya tidak ada hutang atau tidak ada keizinan. Ini kerana nafkah anak itu diwajibkan ke atas bapa bagi membendung keperluan anak dan dengan luputnya tempoh masa bermakna keperluan anak itu juga telah luput.”

Tempoh bermulanya tunggakan nafkah adalah bermula dari satu bulan setelah diperintahkan iaitu berdasarkan Seksyen 134(2) Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 (Akta 585) yang memperuntukan:

“Jika apa-apa ansuran yang dibenarkan dengan perintah di bawah subseksyen (1) tertunggak selama tempoh lebih dari satu bulan.”

Akibat dari tunggakan tersebut, si ibu yang disebut sebagai pemiutang perlu melaporkan kegagalan pembayar nafkah anak oleh pihak si bapa yang disebut penghutang kepada pihak Bahagian Sokongan Keluarga (BSK). BSK adalah badan kerajaan di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang bertindak untuk membantu pihak pemiutang dalam mendapatkan kembali hutangnya berdasarkan peruntukan undang-undang. Pihak BSK akan mendaftar kes tersebut, dan dimulakan dengan proses rundingcara terlebih dahulu. Namun, sekiranya proses rundingcara tidak berjaya dan tidak memberi kerjasama oleh pihak penghutang, maka BSK akan mendaftarkan kes tersebut di mahkamah dan melaksanakan penguatkuasaan berdasarkan undang-undang.⁷ Hal pelaksanaan tersebut adalah bertetapan dengan ketegasan Umar ibn al-Khatib dalam suratnya kepada Abi Musa al-Ash’ari yang ketika itu menjawat jawatan sebagai kadi di salah satu wilayah Islam. Pelaksanaan perlu dilakukan setelah adanya perintah dari kadi. Umar ibn al-Khatib⁸ menyatakan:

“Selamat sejahtera ke atas kamu. Bahwasanya: Sesungguhnya kehakiman itu satu kewajipan yang mesti dihakimi (dengan adil) dan satu sunnah yang mesti diikuti. Maka fahamilah apabila suatu tuntutan kes diangkat dakwaannya kepada kamu maka sesungguhnya pada ketika itu tiada faedah kamu berbicara akan sesuatu hak sedangkan kamu tidak melaksanakannya....”

Bagi kes tunggakan nafkah kebiasaannya yang didaftarkan adalah Saman Penghutang Penghakiman (SPP). Selepas ditaksirkan jumlah tunggakan nafkah di hadapan Pendaftar, dan Pendaftar berpuas hati dengan tunggakan tersebut, maka saman akan dikeluarkan dengan tandatangan dari Pendaftar dan Cop Mohor mahkamah. Saman tersebut akan diserahkan kepada penghutang melalui Penghantar Notis mahkamah. Dan saman tersebut mestilah diserahkan secara sendiri⁹ dan penghutang dikehendaki untuk menandatangani akuan penerimaan tersebut. Akuan penerimaan tersebut perlu dilampirkan bersama affidavit yang difailkan bagi memaklumkan bahawa saman tersebut telah berjaya diserahkan dengan sempurna. Ini adalah berdasarkan Seksyen 49(2):¹⁰

“Orang yang kepadanya saman atau dokumen itu disampaikan hendaklah menandatangani suatu pengakuterimaan penyampaian, tetapi keengganan atau ketakupayaan menandatangani sedemikian tidaklah menjejaskan kesahan penyampaian itu.”

Apabila saman telah berjaya diserahkan dan ditetapkan tarikh untuk kehadiran bagi pihak penghutang dalam sebutan mahkamah, tetapi tidak dihadiri oleh penghutang, maka ia dianggap penghutang telah melarikan diri atau cuba mengelak dari panggilan mahkamah. Maka dengan itu, BSK akan memohon waran penangkapan kepada mahkamah atas keingkaran penghutang ke mahkamah. Mahkamah akan mengeluarkan waran tangkap setelah menyiasat bahawa perlunya waran tersebut dikeluarkan. Hal ini juga bertetapan dengan kata-kata Umar ibn al-Khatib kepada Muadz bin Jabal iaitu:

“Maka buatlah hukuman setelah kamu memahami kesnya dan laksanakanlah setelah kamu membuat penghakiman.”¹¹

Siasatan yang dilakukan oleh hakim dalam mengeluarkan waran tangkap adalah hakim perlulah memahami sesuatu kes sebelum membenarkannya. Setelah mahkamah menyiasat dengan teliti dan adanya keperluan untuk diluluskan permohonan dari BSK, maka waran tersebut akan dikeluarkan dan diserahkan kepada Balai Polis yang berdekatan dengan rumah atau premis penghutang berdasarkan

alamat yang diberi oleh pemiutang.¹² Dan waran tangkap tersebut juga disalinankan kepada pihak BSK.

PERMASALAHAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN KES

Mahkamah mengeluarkan waran penangkapan terhadap penghutang di Balai Polis yang berhampiran dengan premis penghutang. Namun dalam permasalahan yang pertama, terdapat anggota Polis yang tidak melaksana penangkapan tersebut. Ini sering kali terjadi apabila terdapat kes-kes di mahkamah mengenai waran tangkap tiada penangkapan dibuat dan tiada juga laporan dari balai setelah tiba tarikh sebutan kes di mahkamah. Ini akan merencatkan perjalanan kes dari pihak BSK apabila hakim telah meminta laporan penangkapan namun tiada jawapan dari pihak polis. Dan bailif BSK juga menghubungi Balai Polis berkenaan namun pihak balai sering memindahkan telefon ke unit-unit berkenaan seperti unit gerakan, unit pengiring dan unit mahkamah. Dan unit-unit yang dihubungi sering berlepas tangan dengan memindahkan panggilan telefon tersebut kepada unit-unit lain.¹³

Ini dibuktikan apabila terdapat kes *RSN lwn AZM (2016)*¹⁴ di mana mahkamah telah mengeluarkan waran tangkap di balai polis berdekatan dengan premis penghutang. Namun begitu, tiada laporan atau penangkapan dibuat bermula dari waran dikeluarkan pada 28/6/2018. Kes tersebut ditangguh sebulan sekali bagi mengetahui laporan saman tetapi tiada tindak balas sehinggalah bertarikh 4/7/2019. Pihak BSK juga telah menghubungi balai berkenaan namun sering mengelak untuk memberi maklum balas mengenai waran tersebut. Kes ini difailkan kerana nafkah tertunggak berjumlah RM9,950. Begitu juga kes yang lain seperti *AYN lwn FZL (2016)*¹⁵ dan *ZLN lwn SLM (2017)*.¹⁶ Kes-kes tersebut ditunda sehingga tiga dan enam kali tarikh untuk mengetahui laporan waran dari balai polis yang dihantar, namun tiada jawapan. Apabila dihubungi melalui telefon, anggota yang menjawab sering mengelak untuk memberi jawapan. Namun begitu, kes-kes tersebut berjaya diselesaikan dengan kehadiran penghutang sendiri ke mahkamah. Kes-kes tersebut difailkan kerana tunggakan nafkah apabila masing-masing terhutang dengan jumlah RM51,920 dan RM18,800.

Walaupun begitu, hanya sebahagian sahaja balai polis yang bertindak sedemikian. Sebahagian lain lagi pihak polis berjaya menangkap penghutang

dengan kerjasama pihak bailif BSK. Pihak polis yang menangkap penghutang adalah dari unit gerakan setelah pihak bailif BSK telah memohon kepada IPD daerah berkenaan. Terdapat anggota polis memberitahu bahawa, pihak polis yang menjalankan penangkapan keliru dengan prosedur setelah penangkapan dibuat sama ada dibawa terus ke lokap atau ke mahkamah. Kebanyakan pihak polis yang tidak melaksanakan penangkapan tersebut adalah disebabkan ketidak-tahuan prosedur selanjutnya.¹⁷ Bagi permasalahan yang kedua ini, contoh kes yang terjadi kepada kekeliruan ini adalah kes *NRN lwn MHS (2019)* di mana kes ini berjaya ditangkap dengan kerjasama pihak bailif BSK. Pihak polis berjaya menangkap penghutang yang pada ketika itu penghutang berada di dalam rumahnya. Setelah digari, penghutang tersebut dibawa ke lokap di IPD. Pegawai Polis yang berada di IPD tersebut memaklumkan, sekiranya tiada kerjasama antara pihak bailif BSK, maka pihak Polis sendiri tidak tahu untuk langkah seterusnya. Kebanyakan waran yang telah sampai ke IPD dari mahkamah syariah, tidak dilaksana kerana tidak diketahui kepada siapa untuk berurusan. Tambahan lagi, pihak polis tidak mengetahui waktu yang sesuai menangkap penghutang kerana sekiranya menangkap penghutang pada waktu pagi, dikhuatiri akan mengganggu proses perbicaraan mahkamah bagi kes-kes yang lain.

Dan masalah yang terakhir adalah dari segi had sempadan¹⁸ pihak polis dalam melaksanakan penangkapan kepada penghutang. Ini kerana, sekiranya pihak bailif BSK bekerjasama dengan pihak polis, pihak polis perlu mengiringi pihak penghutang untuk tiba di lokasi mahkamah.¹⁹

Walau bagaimanapun, pihak Polis terikat dengan Seksyen 6(b)²⁰ yang mana pegawai polis hanya terhad di kawasanya sahaja. Sekiranya penghutang perlu dibawa ke mahkamah diluar bidangkuasa kawasan polis, maka bailif sendiri perlu membawa penghutang tanpa diiringi oleh pihak polis. Ini boleh menyebabkan risiko terhadap pihak bailif sekiranya penghutang bertindak agresif.

Ini terjadi dalam kes *AZZ lwn SSD (2019)*²¹ di mana kes didaftarkan di Negeri Perlis, namun penghutang berada di Negeri Pulau Pinang. Waran tangkap yang dikeluarkan dari Mahkamah Rendah Syariah Kangar dan perlu dilaksanakan oleh anggota polis serta bailif BSK Pulau Pinang. Setelah penangkapan berjaya dibuat di rumah penghutang dengan kerjasama antara bailif BSK dan pihak polis, maka penghutang tersebut perlu diawasi dan perlu

membawanya ke mahkamah negeri Perlis. Bailif BSK telah memohon kepada anggota polis untuk mengiringi BSK Pulau Pinang ke negeri Perlis. Walau bagaimanapun, Ketua Balai Polis berkenaan tidak membenarkan anggotanya melintasi ke negeri lain. Maka dengan itu, BSK Pulau Pinang terpaksa menghantar ke negeri Perlis dengan sendiri. Keterpaksaan tersebut perlu dilakukan kerana waran tersebut tiada jaminan dan kes tersebut perlu diselesaikan.

KAJIAN LITERATUR

Dalam kes penangkapan di bahagian syariah, orang yang boleh menangkap adalah Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) di bawah agensi Jabatan Agama Islam negeri-negeri. Dalam kajian sarjana yang ditulis oleh Nur Fartini Mohd Rosli,²² PPA adalah orang yang diberi kuasa untuk menangkap dalam kes khalwat. Jelasnya lagi, penangkapan yang dilakukan memerlukan arahan daripada Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama (KPPA) sebelum bertindak untuk menyiasat dan seterusnya menangkap sekiranya terdapat berkelakuan dengan berdua-duaan antara lelaki dan perempuan ditempat yang sunyi. Selain dari PPA, KPPA juga boleh memohon kepada PDRM untuk membantu penangkapan dan juga siasatan. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini hanya menjelaskan mengenai kes jenayah yang melibatkan kes khalwat sahaja. Kes khalwat juga boleh ditangkap tanpa waran dan hanya memerlukan tempoh 24 jam sahaja untuk penahanan dalam mendapatkan maklumat sebelum kes disebut atau didakwa di mahkamah.

Penahanan yang dilakukan adalah bagi mendapatkan maklumat awal untuk siasatan yang dijalankan oleh PPA. PPA akan menangkap dan menyediakan kertas siasatan dan akan mengumpulkan maklumat dari Bahagian Siasatan. Bahagian Siasatan Jabatan Agama Islam adalah agensi yang bertanggungjawab untuk mendapatkan serta mengumpulkan bukti-bukti dan keterangan. Setelah berpuas hati, barulah maklumat-maklumat tersebut diserahkan kepada Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam negeri bagi memulakan kes jenayah. Dalam kajian bertajuk "*Prosedur pendakwaan jenayah syariah: analisis ke atas peruntukan undang-undang di bawah Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 dan akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*"²³ hanya menjelaskan mengenai prosedur setelah siasatan diambil dan mendakwa orang yang kena tuduh

berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada. Dan hasil kajian mendapati, terdapat lakuna dalam isu pendakwaan iaitu isu mengenai beban pembuktian, iqrar dan qarinah.

Selain dari kes jenayah dalam dua kajian di atas, kajian berikutnya adalah dari Raihanah Abdullah²⁴ yang bertajuk “*Penangguhan Kes Di Mahkamah Syariah: Cabaran Dan Penyelesaian*” yang menjelaskan kes-kes di mahkamah yang kerap tertangguh. Kes yang kerap tertangguh berpunca dari salah satu pihak yang tidak memberi kerjasama dan sekaligus merencatkan hakim untuk membuat keputusan. Banyak dari pihak NGO dan wanita-wanita mendesak agar pihak mahkamah dapat meningkatkan tahap pentadbiran agar kes-kes yang difailkan dapat diselesaikan dengan segera. Tambahan lagi, pihak NGO dan wanita-wanita juga mencadangkan agar waran tangkap dikeluarkan kepada pihak yang dituntut atau pihak ‘defendan’ supaya kes-kes tersebut dapat didengari di mahkamah. Kes-kes yang sering disebut adalah kes pembubaran perkahwinan yang melibatkan perceraian, fasakh dan taklik. Walau bagaimanapun, kes-kes yang melibatkan perceraian dapat diselesaikan dengan sebelah pihak sahaja berdasarkan Seksyen 121(1)(b) Akta 585 tanpa melibatkan permohonan waran tangkap. Waran tangkap hanya bersesuaian dengan kes yang melibatkan kewangan sahaja bagi permohonan kes Mal selain dari kes jenayah.

Daripada kajian-kajian terdahulu mendapati, hanya kajian mengenai kes jenayah syariah sahaja yang membincangkan waran penangkapan yang dilakukan oleh pihak PPA dan bukanlah dari pihak Polis. Kes-kes yang ditangkap adalah tanpa waran yang memerlukan hanya penangkapan sementara sahaja sebelum disebut di hadapan hakim. Masih lagi tiada kajian mengenai kes Mal khususnya di mahkamah syariah yang membabitkan tunggakan nafkah anak. Dan dalam kajian ini juga membincangkan kes yang telah dikeluarkan waran tangkap untuk menangkap penghutang yang dilakukan oleh pihak polis dalam membantu pihak BSK dan seterusnya membawa penghutang ke mahkamah bagi menyelesaikan kes tunggakan nafkah.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, metod yang digunakan bagi mendapatkan maklumat adalah metod pengumpulan data yang terdiri daripada kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian kepustakaan digunakan

bagi mendapatkan maklumat diperolehi daripada dokumen seperti kitab fiqh, jurnal, kajian-kajian terdahulu dan statut undang-undang. Statut undang-undang dianalisis serta dihuraikan berdasarkan situasi kes yang berkenaan dan seterusnya dapat mengukuhkan kajian.²⁵ Kajian kes juga digunakan untuk mengaitkan antara peruntukan undang-undang serta keadaan kes²⁶ bagi menyokong tindakan dalam pelaksanaan waran tangkap ini.

Manakala kajian berbentuk lapangan adalah kajian pengumpulan data yang digunakan melalui metod temubual. Temubual yang dilaksanakan adalah berbentuk bersemuka²⁷ dan juga telefon. Antara penemubual yang digunakan dalam kajian ini adalah pihak bailif mahkamah, peguam BSK dan juga pegawai-pegawai polis yang berkenaan. Temubual ini juga digunakan kepada pelanggan-pelanggan mahkamah bagi mendapatkan data sampingan. Selain dari metod temubual dari kajian lapangan, metod pemerhatian²⁸ juga digunakan dalam kajian ini. Metod pemerhatian yang digunakan adalah berbentuk ‘pemerhatian tanpa penyertaan dan tanpa kawalan.’ Ini kerana, pemerhatian yang digunakan dalam kajian ini hanya melihat kes-kes yang diputuskan di mahkamah dan juga melihat gerak kerja di BSK.

Data-data yang dikumpulkan akan dianalisis kandungannya. Kesemua data yang dikumpul akan dikaitkan dan melihat sama ada aspek teori, praktikal dan ketepatan agama serta undang-undang teratur. Semua rujukan kepada teori dan prinsip berdasarkan agama dan undang-undang akan menjadi rujukan utama dalam proses analisis ini untuk mewujudkan keserasian antara amalan sebenar dan teori kajian.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Waran bagi kamus dewan edisi keempat bermaksud, satu surat kuasa yang dikeluarkan oleh mahkamah kepada pihak yang berkuasa (kebiasaan adalah Pegawai Polis) untuk menangkap atau menggeledah. Dalam Akta 344²⁹ memperuntukkan:

Seksyen 3(3):

“Tertakluk kepada Akta ini, Pasukan hendaklah diguna khidmat di dalam dan di seluruh Malaysia (termasuk perairan wilayahnya) bagi memelihara undang-undang dan ketenteraman, mengekalkan keamanan dan keselamatan Malaysia, mencegah dan mengesan jenayah, menangkap dan mendakwa pesalah-pesalah dan mengumpul risikan keselamatan.”

Manakala bailif pula adalah penguatkuasa mahkamah untuk menjalankan apa-apa aktiviti dari perintah atau penghakiman mahkamah yang

dilaporkan oleh pemiutang dengan beberapa cara antaranya adalah penyitaan dan penjualan dari harta penghutang, *hiwalah* (pindahan hutang), penghantaran ke penjara dan lain-lain mengikut kepada perintah mahkamah.³⁰ Al-Mawardi³¹ dalam kitabnya juga menjelaskan mengenai bailif sebagai penguatkuasa mahkamah yang menjelaskan:

“Pihak penguatkuasa hendaklah sentiasa memastikan (orang yang berhutang) melunaskan hutangnya sebagaimana kebiasaannya dituntut oleh orang yang menuntut hutang dan bagi kewajipan nafkah oleh kerabat mengikut kewajipan Syarak.”

Daripada penerangan di atas, perbezaan antara pihak polis dan bailif mahkamah menunjukkan bahawa tugas untuk menangkap penghutang adalah tugas dari pihak polis. Apabila terdapat waran dikeluarkan dari mahkamah kepada pihak bailif, maka pihak bailif perlu melaksanakannya dengan mendapatkan bantuan dari pihak polis untuk menangkap dan seterusnya mengiringi ke mahkamah. Dan waran tersebut mestilah bertulis dengan jelas mengenai nama, lokasi, nombor kod kes mal dan lain-lain. Ini diperuntukan dalam Seksyen 38:³²

- (1) Tiap-tiap waran tangkap yang dikeluarkan oleh mahkamah mengikut Kanun ini hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani sebagai yang dinyatakan di dalam Akta Kehakiman, 1964, atau Akta Mahkamah Rendah, 1948, dan hendaklah mempunyai meterai Mahkamah.
- (2) Tiap-tiap waran itu akan berkuatkuasa sehingga ia dibatalkan oleh Mahkamah yang mengeluarkannya atau sehingga ia dilaksana.

Oleh itu, apabila waran disampaikan kepada wilayah atau daerah keberadaan penghutang mengikut kepada alamat dalam waran, maka pihak polis yang berada di balai berkenaan adalah wajib melaksanakannya. Ia tidak semestinya bergantung kepada unit-unit tertentu seperti unit gerakan, unit pengiring atau unit mahkamah, kerana pihak polis adalah berkuasa untuk menangkap mana-mana orang yang telah dikeluarkan waran. Waran yang diserahkan kepada balai berkenaan, perlu juga menghantar kepada IPD untuk pemakluman.³³ Penangkapan tersebut jelas dalam undang-undang statut Akta Polis 1967 yang memperuntukan di Seksyen 20(3)(a):³⁴

“menangkap semua orang yang dia diberi kuasa oleh undang-undang menangkap.”

Walau bagaimanapun, terdapat pihak polis yang tidak melaksanakan penangkapan. Bagi menjawab persoalan tersebut, pihak bailif telah bekerjasama dengan pihak polis bagi membantu penangkapan dan juga prosedur undang-undang untuk tindakan lanjut. Kerjasama ini telah mendapat persetujuan antara pihak bailif BSK dan pihak polis bermula daripada kunjungan hormat antara pihak Jabatan Kehakiman Syariah dan juga PDRM pada awal tahun 2019. Ini terbukti dalam satu contoh kes iaitu *JSR lwn ZBD (2020)*.³⁵ Dalam kes tersebut, pihak bailif telah memohon bantuan daripada pihak polis bagi menangkap penghutang yang telah dikeluarkan waran dari Mahkamah Rendah Syariah Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Penghutang telah berjaya diserahkan saman namun ingkar untuk hadir ke mahkamah setelah beberapa notis dikeluarkan. Akibat daripada itu, hakim telah mengeluarkan waran tangkap dan penghutang berjaya ditahan oleh polis dan seterusnya mengiringi ke mahkamah bersama bailif dan dihadapkan di hadapan hakim untuk siasatan seterusnya. Dalam kes tersebut, penghutang telah terutang nafkah anak sebanyak RM5,500.

Kerjasama antara pihak bailif dan juga pihak polis berlaku juga dalam contoh kes di atas iaitu kes *NRN lwn MHS (2019)*³⁶ dan *AZZ lwn SSD (2019)*.³⁷ Namun, bagi kes *NRN lwn MHS (2019)*, ketidak-tahuan untuk prosedur seterusnya menyebabkan permasalahan polis untuk melaksanakan penangkapan. Ini terjadi kerana polis telah ke lokasi premis penghutang pada siang hari namun penghutang tidak berada di rumah ketika itu. Oleh yang demikian, pihak bailif telah menjelaskan kepada pihak polis bahawa prosedur penangkapan terhadap penghutang perlu dilaksanakan pada waktu malam. Waktu malam adalah sesuai ditangkap kerana pada waktu ketika itu kebiasaannya orang berada di rumah. Penghutang berjaya ditangkap oleh pihak polis dengan kerjasama bailif pada waktu malam dan proses seterusnya perlu ditahan dilokap terlebih dahulu sebelum kes disebut pada keesokan harinya. Dalam kes ini, waran tangkap tanpa jamin yang telah dikeluarkan oleh mahkamah tidak semestinya ditangkap dan dibawa terus ke mahkamah kerana waran itu sah untuk ditahan dilokap sehinggalah waran itu dibatalkan. Berdasarkan Seksyen 20:³⁸

“Apabila seorang ditangkap oleh pegawai polis dengan waran yang tidak mengandungi syarat-syarat untuk memberi jaminan ataupun dengan waran yang mengandungi syarat-syarat untuk memberi jaminan, tetapi orang yang ditangkap itu tidak dapat mengadakan jaminan, maka pegawai polis yang menjalankan

tangkapan itu, atau apabila tangkapan itu dijalankan oleh seorang persendirian, pegawai polis yang menerima orang yang ditangkap yang diserahkan kepadanya, bolehlah memeriksa orang itu dan mengambil segala barang-barang yang ada pada badannya selain daripada pakaian yang menutup badannya, dan menyimpannya di tempat yang selamat. Barang-barang yang dipercayai adalah alat atau hasil ataupun keterangan lain sesuatu perbuatan jenayah, bolehlah ditahan sehingga ia dibuang bicara atau dilepas daripada tuduhnya.”

Dalam Akta Penjara 1995 pula berdasarkan Seksyen 27:³⁹

“(1) Seseorang yang ditahan di bawah sesuatu waran atau sesuatu perintah mahkamah yang mempunyai bidang kuasa sivil atau jenayah hendaklah dibawa di hadapan mahkamah yang mengeluarkan waran atau perintah itu.

(2) Jika mahkamah di bawah subseksyen (1) tidak bersidang, orang itu hendaklah diserahkan kepada seorang Pegawai yang Menjaga bagi jagaan perantaraan.”

Walaupun mahkamah syariah mempunyai lokap, namun ia tidak di’Warta’kan oleh Jabatan Penjara Malaysia atas sebab-sebab tertentu. Penahanan bagi seseorang tersebut hanya sah pada tempat yang di’Warta’kan sahaja sebagai tempat tahanan⁴⁰ dan kebiasaannya di balai polis sepertimana dalam Seksyen 7:⁴¹

“(1) Adalah sah bagi Menteri, melalui pemberitahuan dalam Warta, untuk menetapkan lokap di mana-mana balai polis dan bangunan mahkamah sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu sebagai tempat bagi pengurungan orang, yang direman atau dihukum dengan apa-apa tempoh pemenjaraan, tidak melebihi satu bulan, sebagaimana yang dinyatakan dalam setiap kes.”

Oleh itu, sekiranya penghutang ditahan di lokap, penghutang perlu menanggalkan segala barang-barangnya di tempat penyimpanan. Baju yang dipakai akan diganti dengan baju tahanan reman. Penghutang hanya boleh keluar dari tahanan selepas adanya dokumen pelepasan dari mahkamah.

Contoh kes *AZZ lwn SSD (2019)* pula, bailif telah bekerjasama dengan pihak polis dan berjaya menangkap penghutang pada siang hari. Ini kerana, pemiutang telah memaklumkan sebelum itu kepada bailif bahawa penghutang hanya bekerja sebagai petani di kawasan rumahnya saja. Walau bagaimanapun, kes tersebut terpaksa dihantar ke negeri Perlis kerana didaftarkan di negeri berkenaan dan tiada jaminan terhadap waran tersebut. Berbeza dengan kes *JML lwn SAD (2019)*⁴² di mana kes tersebut mempunyai jaminan. Kes tersebut didaftarkan di negeri Kelantan dan penghutang juga berada di negeri Pulau Pinang. Pihak polis berjaya menangkap penghutang dengan kerjasama bailif.

Dan penghutang dibawa ke mahkamah berdekatan terlebih dahulu untuk diendors dan seterusnya perlu menjamin daripada waran tersebut. Pengendorsan waran tangkap yang diluar bidangkuasa perlu dilakukan di mahkamah berdekatan sepertimana diperuntukan dalam Seksyen 48(1):⁴³

“Waran tangkap yang dikeluarkan oleh mahkamah bolehlah disempurnakan di mana-mana jua tempat dalam Malaysia. Dengan syarat waran itu tidak boleh disempurnakan di luar daripada had bidangkuasa tempatan mahkamah yang mengeluarkan waran itu, melainkan jika ia telah diendorskan oleh mahkamah itu.”

Pengendorsan tersebut perlu dilakukan kerana pemakluman bahawa waran tersebut dilaksanakan di dalam wilayah Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara bagi kes *JML lwn SAD (2019)*. Waran tangkap yang dikeluarkan dari mahkamah negeri Kelantan tersebut memasukkan jaminan bahawa penghutang perlu membawa dua orang penjamin untuk hadir ke mahkamah pada keesokan hari. Penghutang berjaya membawa dua orang penjamin dan direkod di hadapan hakim. Setelah dijamin, penghutang dibebaskan dengan jaminan daripada ditahan dilokap. Ini diperuntukan dalam Seksyen 39(1):⁴⁴

“Mana-mana mahkamah yang mengeluarkan waran untuk menangkap mana-mana orang, pada budi bicaranya, bolehlah dengan pengendorsan atau membuat nota kaki di waran itu dan mengarahkan bahawa sekiranya orang itu dibenarkan menyempurnakan bon dengan cukup jaminan supaya hadir di mahkamah pada masa yang tertentu dan seterusnya sehingga mendapat perintah lain daripada mahkamah, pegawai yang menjalankan waran itu bolehlah mengambil jaminan dan melepaskan pesalah itu daripada tahanan.”

Hakim perlu memainkan peranan penting dalam mengeluarkan waran tangkap sekiranya lokasi penghutang berada di luar kawasan. Hal ini kerana, sekiranya waran tangkap diluar bidangkuasa atau diluar wilayah, maka hakim perlu memasukkan bon jamin sama ada jaminan dari segi wang atau orang. Ini bagi memudahkan proses pelaksanaan penangkapan kerana jika waran tanpa jamin, ia agak sukar dilaksana kerana bailif mahkamah juga mempunyai kuasa yang terhad di mana hanya berkuasa di dalam negerinya sahaja manakala pihak polis pula terhad di kawasannya. Walaupun polis mempunyai kuasa untuk penguatkuasaan di dalam seluruh negeri dalam negara ini, namun ia tetap tertakluk daripada Ketua Jabatan ataupun dari Ketua Polis Negara.

Justeru, waran tangkap adalah penting dalam melaksanakan penguatkuasaan untuk memberi ketegasan bahawa komitmen kepada mahkamah adalah penting. Polis adalah pihak yang bertanggungjawab untuk melaksanakan waran penangkapan yang dikeluarkan dari mahkamah. Sekiranya tidak dilaksanakan, ia akan memberi pandangan negatif dari masyarakat terhadap pihak berkuasa. Selain itu, ia juga memberi kesan buruk terutamanya penghutang yang akan terus bermaharajalela serta lebih berani untuk melanggar undang-undang dan sekaligus akan menyebabkan anak-anak terabai dengan tidak melaksanakan tanggungjawabnya untuk memberi nafkah.⁴⁵

Dengan pelaksanaan waran tangkap juga, masyarakat akan memandang tinggi dan gerun untuk melanggar apa-apa perintah dari mahkamah. Hal ini kerana, perintah mahkamah adalah dokumen yang wajib dipatuhi dan perlu dilaksanakan kerana jika tidak dilaksanakan, ia akan menimbulkan masalah. Mahkamah adalah tempat untuk menyelesaikan masalah yang berbangkit bagi menghilangkan kemudaratan. Ini jelas dalam kaedah fiqhiyyah yang bermaksud “kemudaratan hendaklah dihilangkan.”⁴⁶ Kes-kes yang melibatkan tunggakan nafkah, perlu diselesaikan dengan cara pembayaran oleh pihak penghutang agar hak-hak anak dapat dipenuhi dan seterusnya akan membentuk masyarakat yang patuh pada hukum syarak dan undang-undang.

KESIMPULAN

Dalam kes tunggakan nafkah, penghutang wajib untuk hadir di mahkamah setelah adanya aduan daripada pemiutang. Saman yang dikeluarkan perlu disempurnakan sebelum waran tangkap diluluskan untuk penangkapan. Pengeluaran waran tangkap juga perlu disiasat oleh hakim sebelum diluluskan di mana pihak penghutang tersebut adalah benar-benar tidak hadir atau tidak bekerjasama dengan mahkamah. Waran tangkap tersebut diserahkan kepada pihak polis untuk melaksanakannya. Namun, terdapat beberapa pihak atau balai polis tidak melaksanakannya kerana pelbagai alasan seperti sengaja tidak untuk melaksakannya, ketidak-tahuan prosedur dan wilayah yang terhad.

Walau bagaimanapun, permasalahan tersebut dapat diatasi dengan kerjasama antara pihak BSK dan juga pihak polis. Ini dapat dilihat dalam kes-kes di mana bermula dari tahun 2019, kes-kes kerjasama tersebut berjaya diselesaikan untuk penangkapan penghutang di premis atau di rumah. Ini menunjukkan, kerjasama adalah penting bagi

proses waran penangkapan kerana pihak polis adalah pihak yang berkuasa untuk menangkap manakala pihak bailif BSK adalah memandu prosedur berdasarkan kepada undang-undang. Manakala bagi kes waran tangkap diluar bidangkuasa, hakim perlu memainkan peranan penting dalam memasukkan jaminan terhadap waran tersebut agar pihak penghutang yang ditangkap, perlu menjamin dirinya dengan membawa bon jamin atau penjamin di mahkamah daerahnya. Dan penghutang perlu hadir di mahkamah di mana waran itu dikeluarkan. Kesan daripada pelaksanaan tersebut menunjukkan ketegasan mahkamah dalam mengendalikan kes tunggakan nafkah dan sekaligus dapat membantu kaum ibu mendapatkan semula tuntutan nafkah anak daripada bekas pasangan mereka.

NOTA

- ¹ Seksyen 18 Akta 560.
- ² Seksyen 51 Akta 585.
- ³ Mohd Hazwan Ismail & Jasni Sulong. (2021). *Pemberian Nafkah Anak oleh Waris: Pelaksanaan dan Kekangan Undang-Undang*. Journal of Muwafaqat, Vol 4, No. 2, 2021, pp. 18-31.
- ⁴ Seksyen 3(3) Akta Polis 1967
- ⁵ Mohd Hazwan Ismail & Jasni Sulong. (2021). *Saman Penghutang Penghakiman: Keperluan Perintah Nafkah atau Perintah Tunggakan Nafkah*. Journal of Contemporary Islamic Law, (2021) Vol. 6(1): 29-38.
- ⁶ Wahbah al-Zuhaili. (1997). *Al-Fiqh al-Islami wa A'dillatuh, edisi 4, jilid 10*. Damsyik: Dar al-Fikr. Hlm 829.
- ⁷ Mohd Hazwan Ismail & Jasni Sulong. (2021). *Pemberian Nafkah Anak oleh Waris: Pelaksanaan dan Kekangan Undang-Undang*. Op.Cit.
- ⁸ Mahmud Syarif. (2003). *Al-Wasaiq Al-Daulah Al-Ma'inah Bihuquq Al-Insan, Jil. 2*. Kaherah: Dar As-Syuruk
- ⁹ Seksyen 41 Akta 585.
- ¹⁰ Seksyen 49(2) Akta 585
- ¹¹ Abdul Karim Zaydan. (1998). *Nizam al-Qada fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah. Hlm 243.
- ¹² Seksyen 20(3)(f) Akta Polis 1967 (Akta 344)
- ¹³ Tuan Mohd Mawardiye bin Salleh, Bailif Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang, dalam temubual dengan penulis di pejabat beliau di Aras 2, Kompleks Kehakiman Syariah Pulau Pinang pada 19hb Februari 2020
- ¹⁴ Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. No. Kes. Mal: 25/2016.
- ¹⁵ Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. No. Kes. Mal: 15/2016.
- ¹⁶ Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. No. Kes. Mal: 35/2017.
- ¹⁷ Tuan Mohd Mawardiye bin Salleh. Op.Cit.
- ¹⁸ Tuan Abu Hanifah bin Abu Hassan, Pegawai Polis Diraja Malaysia Pasukan Simpanan Persekutuan Zon Utara, dalam temubual dengan penulis di pejabat beliau di FRU Padang Tembak, Pulau Pinang pada 31hb Disember 2021.

- ¹⁹ Tuan Mohd Hanif bin Ismail, Bailif Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan, dalam temubual dengan penulis di pejabat beliau di Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Kelantan, Kota Bharu pada 21hb September 2021.
- ²⁰ Akta Polis 1967 (Akta 344)
- ²¹ Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis. No. Kes. Mal: 509/2019.
- ²² Nur Fatini Mohd Rosli (2020), *Penangkapan Dan Penyelesaian Kasus Khalwat Jabatan Agama Islam Selangor (Analisis Berdasarkan Pandangan Mazhab Syafie Dan Mazhab Hanafi)*. Universitas Islam Negeri Sulthan Thana Saifuddin, Jambi: Tesis Sarjana
- ²³ Ahmad 'Azam Mohd Shariff (2011), "Prosedur Pendakwaan Jenayah Syariah: Analisis Ke Atas Peruntukan Undang-Undang Di Bawah Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 Dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. 15 JUUM 1-18.
- ²⁴ Raihanah Abdullah. (2009). *Penangguhan Kes Di Mahkamah Syariah: Cabaran Dan Penyelesaian*. Jurnal Syariah, Jil 17, Bil. 1 (2009) 1-30.
- ²⁵ Abdul Rashid Moten (1998), *A Guide To Research Proposal And Report Writing*. Selangor: Research Centre International Islamic University, Malaysia, Hlm. 16
- ²⁶ Therese L. Baker. (1999). *Doing Social Research, 3rd ed.* United States of America: Mc Grew Hill. Hlm 240.
- ²⁷ Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM. Hlm 65.
- ²⁸ Ibid. Hlm 56.
- ²⁹ Akta Polis 1967
- ³⁰ <https://www.mdi.gov.my/index.php/ms/perundangan/glosari>
- ³¹ Imam al-Mawardi. (t.t). *Al-Ahkam Al-Sultaniyah, juzuk 2*. Beirut: Darul I'tisom. Hlm 494.
- ³² Akta 593
- ³³ Tuan Yunsizam bin Yusoff, Pegawai Polis Diraja Malaysia Ibu Pejabat Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang, dalam temubual dengan penulis di pejabat beliau di IPD SPU pada 31hb Disember 2021.
- ³⁴ Akta 344
- ³⁵ Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. No. Kes. Mal UPPP: 8/2020.
- ³⁶ Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah. No. Kes. Mal: 960/2019.
- ³⁷ Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis. No. Kes. Mal: 509/2019.
- ³⁸ Akta 593
- ³⁹ Akta 537
- ⁴⁰ Tuan Mohd Saiful Azham bin Zakaria, Pegawai Polis Diraja Malaysia Ibu Pejabat Kontijen Kelantan, dalam temubual melalui telefon pada 31hb Disember 2021.
- ⁴¹ Akta 537
- ⁴² Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan. No. Kes. Mal: 313/2019.
- ⁴³ Akta 593
- ⁴⁴ Akta 593
- ⁴⁵ Tuan Mohd Mawardiye bin Salleh. Op.Cit.
- ⁴⁶ Tajudin Abdul Wahab bin Taqiudin Al-Subki. (1991). *Kitab Al-Ashbah Al-Nazair Lil Subki Aqsam Usul Al-Fiqh wa Al-Qawaid Fiqhiyyah*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah. Hlm 41.

RUJUKAN

- Abdul Rashid Moten. 1998. *A Guide to Research Proposal and Report Writing*. Selangor: Research Centre International Islamic University, Malaysia.
- Abdul Karim Zaydan. 1998. *Nizam al-Qada fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ahmad 'Azam Mohd Shariff. 2011. Prosedur pendakwaan jenayah Syariah: Analisis ke atas peruntukan undang-undang di bawah Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat* 15: 1-18.
- Ahmad Sunawari Long. 2009. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi. Akta 344
Akta 537
Akta 593
- Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah. No. Kes. Mal: 960/2019.
- Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan. No. Kes. Mal: 313/2019.
- Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perlis. No. Kes. Mal: 509/2019.
- Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. No. Kes. Mal: 25/2016.
- Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. No. Kes. Mal: 15/2016.
- Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. No. Kes. Mal: 35/2017.
- Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang. No. Kes. Mal: 8/2020.
- <https://www.mdi.gov.my/index.php/ms/perundangan/glosari>
- Imam al-Mawardi. (t.t). *Al-Ahkam Al-Sultaniyah, juzuk 2*. Beirut: Darul I'tisom.
- Mahmud Syarif. 2003. *Al-Wasaiq Al-Daulah Al-Ma'inah Bihuquq Al-Insan, Jil. 2*. Kaherah: Dar As-Syuruk
- Mohd Hazwan Ismail & Jasni Sulong. 2021. Pemberian nafkah anak oleh waris: Pelaksanaan dan kekangan undang-undang. *Journal of Muwafaqat* 4(2): 18-31.
- Mohd Hazwan Ismail & Jasni Sulong. 2021. Saman penghutang penghakiman: Keperluan perintah nafkah atau perintah tunggakan nafkah. *Journal of Contemporary Islamic Law* 6(1): 29-38.
- Nur Fatini Mohd Rosli. 2020. Penangkapan Dan Penyelesaian Kasus Khalwat Jabatan Agama Islam Selangor (Analisis Berdasarkan Pandangan Mazhab Syafie Dan Mazhab Hanafi). Universitas Islam Negeri Sulthan Thana Saifuddin, Jambi: Tesis Sarjana.
- Raihanah Abdullah. 2009. Penangguhan kes di mahkamah Syariah: Cabaran dan penyelesaian. *Jurnal Syariah* 17(1): 1-30.
- Seksyen 18 Akta 560.
- Seksyen 51 Akta 585.
- Therese L. Baker. 1999. *Doing Social Research, 3rd edition*. United States of America: Mc Grew Hill.

- Tuan Abu Hanifah bin Abu Hassan, Pegawai Polis Diraja Malaysia Pasukan Simpanan Persekutuan Zon Utara, dalam temubual dengan penulis di pejabat beliau di FRU Padang Tembak, Pulau Pinang pada 31hb Disember 2021.
- Tuan Mohd Hanif bin Ismail, Bailif Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan, dalam temubual dengan penulis di pejabat beliau di Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Kelantan, Kota Bharu pada 21hb September 2021.
- Tuan Mohd Mawardiyy bin Salleh, Bailif Bahagian Sokongan Keluarga, Jabatan Kehakiman Syariah Pulau Pinang, dalam temubual dengan penulis di pejabat beliau di Aras 2, Kompleks Kehakiman Syariah Pulau Pinang pada 19hb Februari 2020
- Tuan Mohd Saiful Azham bin Zakaria, Pegawai Polis Diraja Malaysia Ibu Pejabat Kontijen Kelantan, dalam temubual melalui telefon pada 31hb Disember 2021.
- Tuan Yusnizam bin Yusoff, Pegawai Polis Diraja Malaysia Ibu Pejabat Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang, dalam temubual dengan penulis di pejabat beliau di IPD SPU pada 31hb Disember 2021.
- Tajudin Abdul Wahab bin Taqiudin Al-Subki. 1991. *Kitab Al-Ashbah Al-Nazair Lil Subki Aqşam Usul Al-Fiqh wa Al-Qawaid Fiqhiyyah*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.
- Wahbah al-Zuhaili. 1997. *Al-Fiqh al-Islami wa Ā'dillatuh, edisi 4, jilid 10*. Damsyik: Dar al-Fikr.

Mohd Hazwan Ismail
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
Email: hazwanismail@student.usm.my / wan_kce6229@yahoo.com